


SEMINAR INTERNASIONAL KEBUDAYAAN

MINANGKABAU

DAN POTENSI ETNIK DALAM PARADIGMA MULTIKULTURAL



KEBUDAYAAN MINANGKABAU
POTENSI, PEWARISAN DAN PENGEMBANGANNYA DALAM
PARADIGMA MULTIKULTURAL

PENDOKUMENTASIAN DAN PEMPAKEJAN KEPUSTAKAAN
MINANGKABAU BERDIGITAL DALAM PENGAJIAN DUNIA MELAYU

Ding Choo Ming, Ph.D.



SEMI-QUE V



BKSNT



PEMDA SUMBAR



UNAND



PROGRAM STUDI BAHASA, SASTRA DAN BUDAYA MINANGKABAU
JURUSAN SASTRA DAERAH FAKULTAS SASTRA UNIVERSITAS ANDALAS
23-24 AGUSTUS 2004

Pendokumentasian dan Pempakejan Kepustakaan Minangkabau Berdigital Dalam Pengajian Dunia Melayu

Ding Choo Ming, Ph D
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi

Tel 603-89215617

Fax 603- 89254698

E-mail: chooming@pkrisc.cc.ukm.my

Abstract

The question why there are so much Western information on the Malay world, and so little Malay indigenous information should not arise with the abundant indigenous information available in our back yard. It is not a matter of indigenous information shortage, but more a matter of managing them. The major problems are they are not prudently and effectively collected, documented, stored and to be distributed, both spatically and temporally. To do that, a shift in information management approach from the old ways must take place, even though slowly. Hitherto, the indigenous Malay information are kept in special rooms, jealously guarded by institutions and individuals profess to own them. Does it mean that we have to develop an integrated information resource management for them? To-date, the portal developed at ATMA at www.malaycivilization.com has showcased one the most focused collections of research materials on the Malay world ever assembled and hopefully can fill a void in the extant information on Malay world scholarship. Our next step is to expand it by drawing on materials in varied formats and media from Riau, Minangkabau and the rest of the Malay world. Our commitment would help to ensure the broadening and deepening of Malay world scholarship globally.

PENGENALAN

Dunia Melayu adalah tempat asal kepustakaan pribumi Melayu. Kepustakaan yang banyak dan dalam pelbagai bentuk, bahasa dan tradisi itu sudah menarik perhatian sarjana dan penyelidik bukan-Melayu sejak kurun 16 dengan banyak sekali buku tentang Dunia Melayu diterbitkan di dalam dan luar Dunia Melayu. Contoh buku-buku itu boleh didapati dalam karya Annabel (1990: 115-121) sudah diterbitkan di Ambon pada 1834-1890, Amsterdam pada 1603-1735, Banjarmasin pada 1853, Batavia sejak 1685-1899?), Bencoolen pada 1822- 1826, Bombay pada 189an- 1894, Colombo pada 1890, Frankfurt pada 1613, Hong Kong pada 1889-1894, Johor pada 1895, Kupang pada 1838, Leden pada 1885, London pada 1614-1821, Melaka pada 1819-1842, Oxford pada 1677, Padang pada 1827, Paris, pada 1826-1898, Penang pada 1837-1890, Rotterdam pada 1840,

Semarang pada 1848-1890, Seampopre pada 1817-1820, Singapore pada 1824- 1890, Rotterdam pada 1840- 1901). Bila orang Eropah, terutamanya Inggeris dan Belanda, seperti Raffles, Brookes, Hurgronje, Swettenham, Clifford dan Winstedt datang, mereka meneroka, mengkaji, mengkategorikan dan kemudian mengkuarantinkan ilmu dan kepustakaan pribumi Dunia Melayu mengikut pengetahuan mereka yang bersifat Euro-sentrik. Sehingga kini, tulisan dan laporan yang mereka tinggalkan ratusan tahun dahulu itu masih dijadikan bahan rujukan utama dalam penyelidikan kita tentang keserjanaan pribumi Alam Melayu.

Kertaskerja ini tidak memperkatakan baik buruknya pendekatan orang Eropah terhadap epistimologi Alam Melayu. Yang ingin dikatakan ialah bagaimana kita sendiri harus mengumpul, mendokumentasi dan mepakej kepustakaan Dunia Melayu, termasuk Minangkabau. Walaupun banyak artifak sudah dibawa orang Inggeris dan Belanda ke Eropah semasa penjajahan mereka dahulu, tetapi mereka tidak membawa tradisi budaya, bahasa, sejarah, adapt resam dan lain-lain. Tradisi-tradisi itu masih hidup dan berkembang, walaupun ada yang sudah berubah sifat dan haluannya, di Dunia Melayu sehingga kini. Daripada tradisi-tradisi itulah banyak lagi kepustakaan baru telah lahir dari masa ke masa. Di sini, kita harus berterima kasih kepada orang Eropah kerana telah mengkaji dan selanjutnya mengantarabangsakan keserjanaan Dunia Melayu, selain memelihara kepustakaan dunia Melayu dengan baik di perpustakaan di Eropah. Tidakkira apa juga yang telah berlaku, hakikatnya ialah Melayu memang kaya dengan segala macam ilmu dan maklumat pribumi Melayu, selain diberkati keindahan alam dan kepelbagaian flora dan faunanya. Tetapi, kekayaan itu susah dimanfaatkan, lebih-lebih lagi boleh membawa kita melangkah ke pentas antarabangsa sekiranya kepustakaan yang masih banyak itu tidak diurus dengan berkesan, sehinggakan mudah didapati pakar-pakar tempatan, misalnya, yang ingin mengkajinya. Sehubungan itu, ingin ditanya, apakah sudah kita lakukan selama ini ke atas korpus ilmu pribumi itu? Di mana? Adakah yang terkumpul itu sudah didokumentasikan seperti yang dilakukan orang Eropah dahulu? Mengapa orang Eropah yang hanya beberapa orang masa dahulu itu boleh melakukan sebegitu banyak, sedangkan kita tidak? Di mana kekuatan mereka dan di mana pula kelemahan kita? Adakah kita kekurangan dana, teknologi, masa, tenaga, kepakaran dan lain-lain? Bukankah dana boleh dicari, teknologi boleh dipelajari, dan yang lain-lain itu memang sudah dipunyai kita sendiri? Apakah kita perlukan anjakan paradigma? Dari mana anjakan paradigma boleh didapati? Adakah kita perlukan arahan daripada kerajaan? Adakah kita perlukan "a national information management policy?" Tidak kira apa juga jawapan kepada soalan tadi, yang nyata ialah hakikat bahwa kekayaan kepustakaan ilmu pribumi Dunia Melayu dalam kepelbagaian jenis, media, bentuk, bahasa dan tradisi itu tidak boleh mendatangkan manfaat kepada kita, baik dari segi sosial, ekonomi, politik dan lain-lain, sekiranya kepustakaan itu tidak boleh diurus dan dipelihara dengan baik, berkesan dan professional dalam erti kata mudah didapati bila dikehendaki. Dalam dunia yang semakin prihatin kepada ilmu dan kepustakaan sebagai komoditi ekonomi yang semakin tinggi nilai strategiknya dalam pembangunan negara, kita perlu bertindak bersama-sama dengan segera untuk kepentingan bersama. Selagi maklumat dan kepustakaan pribumi itu tidak diurus sehingga mudah didapati, selama itulah sarjana dan pengkaji dari Dunia Melayu terpaksa pergi ke Leiden, London, Paris, Frankfurt dan Washington, D.C., antara yang lain-lain, seperti pada tahun 1960an dan

1970an dahulu, untuk mencari dan merujuk kepustakaan lama, sedangkan bahan itu sudah ada di sekitar kita di Dunia Melayu. Kunjungan mereka ke Eropah dan Amerika Syarikat adalah juga disebabkan maklumat dan kepustakaan Melayu di perpustakaan di barat itu sudah tersusun, maka jauh lebih mudah dicari berbanding dengan maklumat dan kepustakaan yang masih tidak tersusun di dunia Melayu. Selain itu, memanglah hakikat bahawa banyak artifak budaya di Dunia Melayu sudah musnah dan yang lain rosak, kerana serangan serangga, selain keadaan cuaca negara tropical. Itulah beberapa faktor timbul dan berkekalnya tanggapan umum bahawa negara barat mempunyai lebih banyak maklumat dan kepustakaan pribumi Melayu berbanding dengan yang ada di Dunia Melayu sendiri. Hakikatnya adalah yang sebaliknya. Namun demikian, selagi masalah pengurusan kepustakaan Melayu di Dunia Melayu sendiri tidak diatasi dengan segera dan berkesan, selama itulah delima “*itek mati kehausan dalam air*” dan “*tikus mati kelaparan di kepuk*” akan menghantui kita, dan membuat orang dari luar Dunia Melayu, termasuk Barat, mengetawakan kita.

Apakah boleh dilakukan kini sekarang? Yang boleh dan perlu dilakukan tidak lain daripada mengumpul, mendokumentasi, menyimpan dan memulihara semua korpus ilmu pribumi Melayu seperti yang dilakukan orientalis Belanda dan Inggeris dahulu, tetapi dalam bentuk yang lain: menggunakan IT, agar ia mudah didapati untuk memenuhi kepelbagaian keperluan dari masa ke masa. Antara keperluan itu, tidak kira masa dan tempat ialah pendidikan, penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, penerbitan, penjualan, pamer, dan publisiti. Kesemua kerja tersebut itu nampaknya mudah, tetapi sangat berat kerana banyak masalahnya, laksana bak kata “*ringan mata memandang, berat bahu memikul*”, selagi tidak ada “*a holistic management approach to the entire Malay indigenous information*”. Ini tidak pula bermakna kita perlu menunggu pelaksanaan “*national information management policy*”, semacam pelan induk maklumat negara. Kita tidak boleh menunggu, kerana semakin lama menunggu, semakin banyak kita kerugian wang, masa dan tenaga amnya dan bahan itu khususnya, memandangkan banyak bahan di alam Melayu ini cepat musnah dan rosak kerana cuaca dan serangga. Pelaksanaan pelan induk maklumat negara itu adalah unggul, kerana ia cuba menangani keperluan negara terhadap maklumat secara berintegrasi, tetapi sukar dilaksanakan, kerana melibatkan wang, tenaga dan kepakaran yang tidak terhingga besarnya, apatah lagi melibatkan faktor politik yang sukar dikawal.

PELUANG DAN CABARAN

Malaysia dan Indonesia sedang mengalami pembangunan dan pemodenan yang sangat pesat dan rumit. Ia dikatakan rumit kerana kita bukan sahaja memerlukan pemodenan, tetapi juga mencari-cari akar dan identiti turun-temurun. Kedua-duanya memerlukan penyelidikan. Ketiga-tiga perkara itu saling lengkap-melengkapkan. Untuk membolehkan penyelidikan, kita perlukan bahan rujukan. Tetapi, sehingga kini penyelidik kita mahu pergi ke negara Barat untuk mencari bahan pribumi Dunia Melayu yang sudah terkumpul dan diurus dengan baik, sedangkan penyelidik dari negara Barat berduyun-duyun datang ke Dunia Melayu untuk menggali bahan pribumi Dunia Melayu. Menurut mereka ini, yang terkumpul di barat itu tidak mencukupi. Tidak kira apa juga pandangan penyelidik itu, isunya ialah bukankah Dunia Melayu tempat lahirnya korpus ilmu pribumi Melayu?

Bukankah Dunia Melayu yang berada di celah-celah dua tamadun tua – China dan India – tidak henti-henti memberi ilham kepada sarjana Barat sejauh masa dahulu lagi, termasuk A. R. Wallace untuk menulis *The Malay Archipelago* (1863) dan yang lain mengutarakan konsep baru, seperti “*plural society*”? Sejak kedatangan pengaruh India dan Buddha di Dunia Melayu, sudah terbentuk sosio-budaya yang kaya dan meliputi hampir segala aspek kehidupan orang Melayu: daripada sistem politik dan kerajaan kepada peraturan keluarga dan adat resam. Selepas itu, dari sekitar abad ke 16 hingga abad yang 19, kebudayaan Erpah melalui orang Inggeris dan Belanda telah memperkenalkan kaedah pengeluaran, pengangkutan, pertanian dan juga teknik peperangan yang baru kepada orang dan masyarakat Melayu. Dengan itu, sikap, mental dan kosmos orang Melayu telah berubah sekali lagi. Di celah-celah perubahan luar itu, penghuni di Dunia Melayu sudah “bercampor aduk” sejak dahulu lagi dengan orang Bugis berkahwin dengan orang Java, orang Minangkabau berkahwin dengan orang Aceh, orang Cina berkahwin dengan orang Melayu, dan lain-lain. Daripada interaksi sosial itu telah lahir kebudayaan yang teristimewa, yang menjadi aset unggul Dunia Melayu yang sampai kini belum habis dikaji, malahan semakin banyak dikaji, semakin banyak pula perlu dikaji. Di sinilah juga kita perpanjangkan harapan kita untuk generasi yang akan datang. Kalau demikian, apakah sebab penyelidik dari Dunia Melayu sendiri menganggap perpustakaan di negara barat mempunyai lebih banyak korpus ilmu pribumi Melayu daripada yang terkumpul di perpustakaan di Dunia Melayu? Bukankah tradisi budaya, bahasa, sastera dan adapt resam Dunia Melayu memang hidup dan segar, termasuk Adat Papatih di Minangkabau, selain Dunia Melayu memang kaya dengan flora dan fauna tropikal yang tidak ada tolok bandingnya dari segi jenis dan bilangannya? Masalah kita bukanlah kekurangan kepustakaan pribumi di Dunia Melayu, tetapi masalah pengurusan kepustakaan itu. Sejak dahulu lagi, kepustakaan itu tidak diurus dengan baik dan berkesan, lebih-lebih lagi secara professional sehinggakan yang diperlukan itu sukar didapati, apatahlagi dengan mudah dan cepat, tanpa banyak birokrasi!

Berdasarkan pengalaman kami di ATMA (Institut Alam an Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia) dalam membangunkan portal pengajian Dunia Melayu yang kini sudah boleh dicapai di Internet di alamat www.malaycivilization.com, kami ingin terus mengumpul, mendokumentasi dan membangunkan korpus ilmu pribumi Dunia Melayu yang lain secara digital agar segala bahan yang terkumpul itu boleh dimanfaatkan oleh sesiapa juga yang berminat. Sejak April 1999 sehingga Julai 2004, sebanyak 9 buah pangkalan data sudah kami bangunkan: *PADAT* (42,000 artikel mengenai segala aspek pengajian Dunia Melayu), *Koleksi N. A. Halim* (sebanyak 17,000 imej tentang seni bina Melayu), *Kamus Peribahasa Melayu* (sebanyak 22,000 entri peribahasa, simpulan, pepatih, petiti, perbilangan Melayu), *Koleksi Pantun Baba* (sebanyak 15,621 rangkap pantun peranan Cina di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang), *Karya Jawi* (sebanyak 121 buah buku Jawi = 121,000 imej), *Sari On-Line* (kesemua 166 rencana yang sudah diterbitkan dalam SARI dari vol. 1 (1983) hingga vol. 22 (2002)), *Kamus Suku kata Akhir Melayu* (sebanyak 14,471 entri), *Kamus Melayu yang disusun orang bukan Melayu* (6 buah kamus Melayu dalam tulisan Cina) dan *SUARA ATMA* (ceramah dan kuliah tentang pengajian Melayu yang telah disampaikan di UKM). Semua teks (kecuali PADAT), imej, suara dan lain-lain dalam portal kami itu boleh dicapai dan diasing-

asingkan dengan menggunakan nombor aksesian yang diberi, nama pengarang, judul, tarikh, sumber penerbitan, kata kunci dan subjek. Portal ini adalah yang bersifat multi-media dalam erti kata ia terdiri daripada teks dan imej (untuk mata) dan suara (untuk telinga). Pembangunan pangkalan data dan portal di ATMA adalah untuk menaikkan taraf ATMA bukan sahaja sebagai pusat penyelidikan Dunia Melayu, tetapi juga pusat dokumentasi pengajian Dunia Melayu dengan menggunakan kuasa teknologi maklumat yang terkini (state-of-the-art technology), khususnya komputer, enjin gelintar dan Internet, sesuai dengan kehendak era maklumat digital. Tarikan kami kepada maklumat digital dan IT, khususnya komputer, Internet dan enjin gelintar dalam pengurusan maklumat pribumi Melayu adalah disebabkan factor-faktor yang berikut:

- i. Teknologi maklumat bukan sahaja semakin besar kuasanya, maka telah membuat kita dapat melakukan banyak kerja yang tidak dapat dilakukan sebelum ini, tetapi juga kosnya semakin turun, maka ia sudah menjadi semakin popular,
- ii. Berbantuan Internet dan komputer, maklumat digital boleh disebarkan ke seluruh dunia 24 jam sehari
- iii. Perkembangan Internet, Intranet dan media komunikasi dan penghantaran maklumat yang lain membolehkan maklumat digital itu dihantar kepada penyelidik masa kini dan bukannya penyelidik perlu berkunjung ke perpustakaan pada waktu pejabat seperti masa dahulu.
- iv. Maklumat digital boleh mengurangkan penggunaan kertas, pencetakan dan storan, iaitu kos keseluruhan membuat penyelidikan
- v. Penyelidik masa kini seharusnya sudah boleh mendapat maklumat digital dari banyak sumber dengan lebih cepat, mudah dan tepat,
- vi. Skrin komputer sudah diterima sebagai media pembacaan maklumat digital,
- vii. Penyelidik lebih tertarik kepada teks dan imej digital yang mempunyai unsur "interactivity" yang tidak mungkin didapati dari teks analog,
- viii. Maklumat digital boleh dicetak secara langsung, selain boleh dihantar secara langsung dan disimpan dalam disket, maka memberi kemudahan yang tidak terbayangkan 10 tahun yang lepas.

Kemegahan kami di ATMA dari segi pengurusan maklumat digital telah dikongsi orang yang pernah menggunakan portal itu dari jauh, selain mereka yang datang sendiri ke ATMA untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan dengan kami. Langkah kami selanjutnya ialah mengumpul dan mengintegrasikan kepustakaan pribumi yang lain-lain, termasuk dari Riau, Minangkabau, Aceh, Kalimantan dan sebagainya, berperingkat-peringkat untuk kepentingan kesarjanaan masa kini dan juga masa yang akan datang. Pengintegrasian bahan-bahan itu disebabkan setiap bahan dan juga setiap pangkalan data itu dijangka akan melengkapkan yang lain untuk seterusnya memperkasakan portal pengajian Dunia Melayu di ATMA. Kesemua itu dilakukan dengan satu keyakinan: lebih banyak lagi maklumat yang baru akan terjana daripada maklumat yang ada itu. Penjana itu sukar sekiranya kerpustakaan yang terkumpul itu tidak dikongsi, maka membuat penyelidikan baru itu sukar dilakukan. Dengan sikap terbuka itu, kami yakin Dunia Melayu di kedua-dua belah Selat Melaka yang sudah menjadi tempat pertembungan bahasa, budaya dan sastera Timur dan Barat sejak masa dahulu lagi itu akan terus-menerus menjadi "kawasan tadahan" (*catchment area*) ilmu dan maklumat

pribuni yang baru dari masa ke masa. Di sini, usaha kami di ATMA dalam membangunkan portal ATMA juga diharap akan membuat sarjana dan penyelidik yang lain tertarik hati untuk bekerjasama dalam mengumpul dan mendokumentasi kepustakaan Melayu.. Setelah membina pangkalan data tentang seni bina (koleksi N. A. Halim), peribahasa Melayu, pantun baba dan sebagainya, kami ingin mencari kepustakaan Melayu daripada kawasan geografi yang lain yang juga diliputi minat penyelidikan dan keserjanaan kami, termasuk tradisi sastera lisan di Riau dan Adat Papatih di Minangkabau.

Minat kami untuk meliputi Minangkabau juga didorong minat kuat kami untuk membangunkan pangkalan data Adat Papatih yang diamalkan di Negeri Sembilan. Seperti adat resam Melayu di tempat yang lain, adat papatih adalah peraturan hidup orang Melayu di daerah pedalaman di Negeri Sembilan: Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Tampin. Menurut kajian Norhalim Haji Ibrahim, ada perbezaan dan persamaan antara adat papatih di Negeri Sembilan, Malaysia, dengan sistem keluarga dan peraturan hidup matrilineal yang diamalkan orang di Tiku, Pariaman, Padang, Terusan, Pasaman dan Indrapura di Minangkabau dan Siak, Sri Indrapura, Indragiri, Kampar dan Kuantan di Riau, Indonesia, walaupun kedua-dua tempat itu mengamalkan sistem nasab ibu, matrilineal. Selain mempunyai adat istiadat dan peraturan hidup yang tersendiri, Minangkabau juga kaya dengan mitos dan legenda yang kaya dan romantik dengan semua tempat itu secara fizikal geografi dilitari perkampungan pertanian yang menghijal, pemandangan alam semula jadi yang indah dan juga penduduknya yang mesra dan rajin. Tarikan lain pelancong kepada Negeri Sembilan dan Minangkabau ialah seni bina asli rumah orang Minang, yang berbumbung merupakan tanduk kerbau di dua hujung. Seni bina itu, seperti banyak lagi seni budaya yang lain itu adalah "*creative expression*" dan "*cultural continuity*" orang dan masyarakat Adat Papatih yang bermula ratusan tahun yang lalu. Adat Papatih itu juga menarik kerana kaya dengan perbilangan yang berwarna-warni dan memang berbeza daripada peribahasa Melayu dari bumi Melayu yang lain.

Kepercayaan, nilai, ide dan lambang yang membentuk alam semesta, kosmos orang Melayu di Negeri Sembilan dan Minangkabau itu telah membuat seniman, karyawan dan pengarang di kedua-dua tempat itu mendapat ilham yang tidak berkesudahan untuk mengarang, mencipta, menghasilkan karya seni, seni bina, tenunan, tarian, lagu, musik, pesta, perbilangan, kata-kata adapt, terombol, terasul dan lain-lain sejak dahulu sampailah hari ini. Antara karya seni yang istimewa di Negeri Sembilan dan Minangkabau ialah rumah yang berhumbung merupai tanduk "kerbau" dan ukiran di dinding, tanpa menggunakan paku. Sebab utama tarikan kami ke Minangkabau ialah kami inginkan kerjasama dengan **Sumatra Heritage Trust**, yayasan yang pertama seumpama itu di Sumatra yang terdiri daripada lapan wilayah. Ia dilaporkan dibangunkan oleh sekumpulan orang bisnes, professional dan universiti yang mendapati tindakan segera amat diperlukan untuk menyelamatkan dan memulihara warisan budaya di Sumatra, pulau yang ke empat besarnya di dunia, selepas Greenland, New Guinea dan Borneo. Ia mempunyai keluasan kawasan sekitar 473,481 km persegi. Sains itu lebih kurang sama dengan keluasan negeri California di USA atau negara Spanyol di Europah. Di pulau yang besar itulah terdapat kepelbagaian dan keanekaragaman tradisi, budaya, bahasa,

sastera, sejarah, seni bina dan adat resam yang diwarisi dan diamalkan kira-kira 40 juta penduduknya, dengan orang Melayu, Minangkabau, Batak dan Aceh menjadi kumpulan etnik yang paling utama dan besar. Selain itu, kepelbagaian etnik dengan budaya dan tradisi masing-masing dan hidup aman dan damai itu pernah disamakan dengan kekayaan budaya dan tradisi 26 suku kaum di Yunan, China.

Walaupun kebanyakan tradisi yang disebut itu masih hidup, tetapi sedikit demi sedikit, tradisi budaya, sastera dan bahasa, misalnya itu telah berubah, malahan akan hilang, berikutan perginya orang tua di satu pihak dan generasi muda lebih tertarik kepada budaya pop dari negara barat di satu pihak yang lain. Perkembangan yang kedua itu bukan sahaja akibat daripada penjajahan mental dan maklumat negara Barat ke atas negara di Afro Asia dan Latin Amerika. (Ding 2002), tetapi juga pengaruh daripada gelombang globalisasi. Tidak kira apa juga sebabnya, usaha gigih perlu dilakukan untuk menyelamatkan apa yang masih boleh diselamatkan, sementara memulihara yang lain, seluk-eluknya dalam bentuk digital di era IT ini. Sudah lama, budayawan di Malaysia dan Indonesia merasa bimbang atas penghakisan budaya warisan. Antara kesan penghakisan itu ialah pengurangan pantun, lebih-lebih lagi berjual beli pantun secara spontan, dan juga tradisi terombol di Negeri Sembilan, misalnya, sudah ditinggalkan orang muda, sedangkan orang tua sudah semakin banyak yang meninggal dunia. Kehilangan kebolehan mengarang pantun, seperti menghilangnya tradisi mengarang hikayat, syair, gurindam, bertenun, bertekak, mengukir, makan sireh, berdongang sayang, berlaku hampir-hampir serentak pada abad yang ke 19, atas nama pemodenan, pembandaran dan penghijrahan orang kampung ke bandar, maka telah menyebabkan berlakunya perubahan radikal ke atas gaya hidup orang Melayu dan Minang, antara banyak lagi suku kaum pribumi di Dunia Melayu.

Apakah boleh dibuat sekarang agar adat istiadat dan tradisi budaya turun-temurun itu boleh diwarisi generasi muda sekarang dan juga masa yang akan datang? Antara yang boleh dilakukan ialah mendokumentasi diserentakkan dengan memberi galakan ke atas penyelidikannya. Kedua-dua aktiviti itu saling melengkapi. Dengan kata lain, untuk membolehkan penyelidikan dapat dilakukan dengan lebih mudah dan cepat, kerja pendokumentasian perlu dipergiatkan lagi. Sehubungan itu, kami di ATMA ingin mendapatkan kerjasama dari pusat penyelidikan di Minangkabau sekarang untuk membantu kami memperkasakan dan juga memantapkan kerja pendokumentasian dan pembangunan pangkalan data kami. Kedatangan kami ke sini adalah langkah pertama dalam pembangunan pangkalan data di Minangkabau. Kami memberi keutamaan kepada bahan pribumi (local contents) dari Dunia Melayu, khasnya tradisi lisan yang tidak melibatkan hak cipta individu. Kesemua kepustakaan pribumi Dunia Melayu ingin kami kumpulkan dan integrasikan, setelah memikirkan keperluan sarjana dan penyelidik masa kini dan juga masa depan, dan juga “*domestic, national and international research needs*”, untuk menjadikan pangkalan data ATMA itu “*one-stop regional information center of malay World studies*”. Dengan itu, barulah tercapai objektif kami untuk menjadikan portal pengajian Melayu di ATMA itu “*one of the most focused collection of research materials ever assembled on the Malay World studies and to fill a void the the extant information on Malay scholarship*”. Maklumat kami ialah memperdalamkan dan memperluaskan pengajian Melayu agar ia betul-betul menepati disiplin kajian antara-

disiplin dan juga saling budaya. Ini menepati cadangan kami: *Our commitment would hopefully help to ensure the broadening and deepening of Malay scholarship. Our varied multi-lingual and media sources would hopefully forge and stimulate more research into the history and background of scholarship in any aspect of Malay culture, language, society, literature and many more*" (Masterplain 2004).

Sekali lagi dinyatakan bahawa pendokumentasian dan penyelidikan adalah saling melengkapi. *Research and documentation are inter-related. What happens on research affects the production of materials. A research institute is affected by what happens to both research and documentation. Therefore, the "cause and effect" factors need to be considered in managing a research center.* Daripada dokumen yang kami dapati dari Dunia Melayu itu diharap dapat menghasilkan penyelidikan dengan ilmu, maklumat dan pengetahuan yang baru untuk dikembalikan kepada Dunia Melayu. Dengan mengulangi proses itu, lebih banyak ilmu dan kemahiran orang Melayu zaman dahulu dan juga masa kini dapat diketahui dan disebarkan untuk menggalakkan lebih banyak penyelidikan dilakukan pada masa depan. Misalnya, membuat kajian ke atas seni pertukangan ukiran kayu pribumi Dunia Melayu. Masa dahulu, istana raja, rumah orang kaya, perahu, tangkai keris, tongkat dan barang-barang kemas dihiasi ukiran yang bermotifkan budaya Melayu. Masa itu, seni ukiran adalah kegiatan seni yang kuat di bawah naungan raja-raja dan bangsawan, maka dikerjakan banyak tukang ukir. Seperti tukang kayu, tukang membuat kapal dan lain-lain, mereka juga tahu pokok yang mana sesuai barang apa, lebih-lebih lagi di mana pokok-pokok itu boleh didapati. Pengetahuan mereka yang berdasarkan pengalaman turun-temurun itu membolehkan mereka mudah mendapatkan jenis kayu yang dikehendaki dari tempat yang tertentu untuk barang yang tertentu. Kini, seni ukiran kayu sudah hampir berkubur menjadi sisa sejarah dengan perginya tukang ukir yang tua dan berpengalaman. Pemergian orang tua-tua, tidak kira bidang apa membuat kita terpanggil untuk memperingatkan usaha mendokumentasi dan memulihara korpus ilmu itu agar tidak hilang.

Ada banyak cara untuk berbuat demikian. Yang boleh dan telah kami lakukan ialah menggunakan teknologi maklumat untuk menyampaikan maklumat kepada generasi muda yang menjadi tiang negara dan harapan mangsa pada masa depan. Merekalah perlu ditarik balik daripada budaya barat kepada budaya dan tradisi warisan. Mendokumentasi dan membangunkan portal dengan teknologi maklumat sahaja tidak boleh menolong. Yang dapat kami bantu ialah sarjana dan penyelidik yang lain agar lebih mudah mendapatkan maklumat pribumi untuk menerbitkan rancangan televisyen, CD-Rom, video, buku komik, buku saku dan lain-lain untuk menarik minat dan perhatian generasi muda. Itulah juga yang dilakukan massa media barat dalam menarik perhatian generasi muda sejak stesyen radio, televisyen Indonesia dan Malaysia mengimport rancangan popular, selain kedai buku kita menjual majalah fesyen, memasak, bintang filem dan buku sastera romans dari Eropah dan Amerika Syarikat. Mereka sudah mula kehilangan warisan budaya untuk selama-lamanya. Walaupun susah untuk menarik mereka yang sudah kemabukan budaya barat itu berbalik kepada budaya warisan, tetapi ia belum lagi terlambat jika ada usaha gigih dibuat sekarang. Yang paling mereka perlukan ialah model pujaan mereka. Yang menjadi model pujaan anak muda kini ialah bintang filem, bintang bola sepak, penyanyi pop, ahli tinju, ahli gusti dan model di negara

barat. Mereka muda, kaya, bergaya, dan popular di kata televisyen, kulit buku, kulit majalah, video, Cd-ROM, Internet dan iklan di mana-mana dan pada bila-bila masa. Kita perlu mendapatkan kerjasama daripada bintang filem dan tokoh lain yang menjadi pujaan orang muda.

Adalah kurang bijak untuk kita melarang anak muda kita daripada menonton wayang barat, membaca majalah fesyen barat dan membuat apa yang mereka suka. Soalnya, mengapa kita tidak boleh menggunakan kuasa media massa elektronik dan digital untuk meningkatkan kesedaran orang muda tentang sejarah, budaya, dan bahasa pribumi yang juga indah, kaya, malahan lebih panjang sejarahnya? Mengapa kita tidak boleh mengurangkan (counteract) imej dan stereotaip kita sebagai bangsa yang lemah, lembut dan lesu seperti yang diberi orang barat sejak dahulu? Mengapa kita tidak boleh membuat anjakan untuk menaikkan harga diri dan kemegahan pada orang muda kita? Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mempersalahkan negara barat, tetapi diri kita sendiri selagi tidak boleh memberi isi baru kepada media massa dan teknologi maklumat yang menguasai kehidupan kita, lebih-lebih lagi generasi muda. Media massa dan IT cumalah alat, saluran dan pengantar. Yang diperlukan ialah isi yang boleh disalurkan dan disampaikan. Yang membuat media massa, majalah dan buku dari negara barat begitu kuat tarikannya ke atas orang muda ialah cara dan gaya isi itu dipersembahkan, lebih-lebih lagi ditambah ilustrasinya. Isu pokok dalam kebanyakan televisyen, CD-Rom, movie dan VCD, misalnya ialah masalah kemiskinan, prasangka, jenayah, kesihatan, pencemaran alam sekitar, penghakisan budaya, cinta asrama, kahwin cerai, peperangan, keganasan dan seks, misalnya. Masalah itu masalah umum yang dihadapi manusia sejak dahulu di mana-mana juga. Yang membuat kisah peperangan dalam satu wayang berbeza daripada wayang yang lain ialah latar belakangnya, nilai sejarahnya, wataknya, pengajaran moralnya, cara persembahannya, selain teknologi pefileman yang digunakan. Kesemua perkara itu memang banyak sudah ada di Dunia Melayu sendiri. Yang diperlukan ialah lebih banyak lagi pengkaji dan penyelidik untuk membongkarnya untuk seterusnya diCd-Romkan, diwayangkan, didramakan, dibukukan, dimajalahkan dan diInternetkan. Kerja penyelidikan itu sukar dijalankan selagi maklumat dan kepustakaan yang diperlukan itu belum dikumpul, didokumentasi, maka susah dipapati pada ketika yang dikehendaki. Portal pengajian Dunia Melayu yang sudah beroperasi di ATMA itulah yang akan dijadikan model kami untuk langkah selanjutnya mengumpul dan mendokumentasi kepustakaan Dunia Melayu dari tempat tadahan kepustakaan Melayu yang lain dan yang penting.

PENUTUP

Kami sudah berjaya menggunakan IT untuk mengumpul dan mendokumentasi imej kepustakaan pribumi Dunia Melayu. Kelebihan kaedah ini ialah ia membolehkan imej kepustakaan itu menembusi rumah, bilik dan pejabat setiap sarjana dan penyelidik yang sudah mempunyai Internet. Berikutan peningkatan taraf hidup dan pendidikan di Indonesia dan Malaysia dalam masa kebelakangan ini, semakin banyak orang akan mempunyai komputer, yang kini sudah menjadi kemudahan yang diperlukan, dan bukan lagi barangan mewah, untuk pelajar, penyelidik, sarjana, pentadbir dan lain-lain untuk membuat kerja masing-masing. Penyebaran maklumat digital di Internet bukan sahaja membuat segala kepustakaan yang sudah didokumentasi dan dipakej berdigital itu boleh

didapati pada bila-bila masa yang dikehendaki, maka jauh lebih baik berbanding dengan yang tersimpan di perpustakaan, yang dikawal rapi dan hanya boleh digunakan pada waktu yang tertentu di ruang perpustakaan yang dikhaskan itu. Selain itu, selalu juga timbul rasa bimbang untuk menggunakan bahan yang sudah diawet di koleksi khas di perpustakaan, museum, arkib dan galeri. Kebimbangan itu adalah daripada segi kesihatan sarjana, penyelidik dan pengguna sendiri. Apakah bahan kimia yang digunakan untuk mengawet kepustakaan itu tidak mengancam kesihatan badan, terutamanya mata, jari, hidung orang yang alergi kepada bahan kimia yang digunakan? Kalau bahan kimia itu ditakuti serangga, seperti gegat, lipas dan ulat lain, tidaklah ia merbahaya kepada manusia juga? Kalau demikian, tidakkah sarjana dan penyelidik yang masuk ke ruang khas di perpustakaan yang menyimpan bahan tua yang sudah diawet kimia itu dikehendaki memakai baju khas, termasuk topeng, sarung tangan dan memakai tangki oksigen?

Di sebaliknya, pendokumentasian dan pempakejan maklumat digital adalah selamat. Sela itu, perpustakaan digital kepustakaan Dunia Melayu di Internet boleh dicapai sesiapa juga di dunia ini, tidak mengira masa. Kelebihan maklumat digital dari segi pengaksesan bahan memang tidak ditandingi maklumat bercetak yang selama ini membuat sarjana selalu mengeluh dan merungut tentang masalah semakin banyaknya perpustakaan dan koleksi khas, semakin susahnyanya mendapatkan bahan yang dikehendaki. Masalah itu berpunca daripada hakikat *“Special collections in the university and public libraries are the most difficult to access. It is these places that indigenous materials are abundant and yet scarce”* (Masterplain 2004). Kami tidak berhasrat untuk bersaing dengan perpustakaan, museum atau arkib di Malaysia dan Indonesia, kerana kesemua institusi itu ada peranan, fungsi dan tanggungjawab yang berbeza-beza. Kami juga tidak bermaksud untuk bersaing dengan perpustakaan di Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde di Leiden, atau The British Library serta perpustakaan di School of Oriental and African Studies di London, ataupun koleksi yang besar dan yang terkenal di negara-negara yang lain. Usaha kami adalah untuk melengkapkan koleksi di tempat-tempat yang lain agar pengajian Dunia Melayu dapat diperluaskan dan diperdalamkan dengan lebih mudah dan berkesan. Cabaran yang kami hadapi kini ialah mendapatkan sebanyak mungkin kepustakaan dalam segala bentuk dan tidak kira masa. *“Only by tirelessly expanding the databases, we can have plenty of various materials to offer”* (Masterplain 2004). Kami perlukan teks (bertulis, bercetak dan lisan), lagu, muzik, gambar, ilustrasi, dan lain-lain mengenai bahasa, budaya, sastera, sejarah, sains, tarian, masakan, teknologi dan sebagainya tentang orang dan masyarakat, fauna dan flora dari Dunia Melayu. Semakin banyak kepustakaan yang dapat dikumpul, didokumentasi dan dipakej semula secara digital adalah semakin baik, bukan sahaja kerana setiap bahan itu boleh memainkan peranan membantu melengkapkan yang lain, tetapi juga kerana setiap satu bahan itu boleh memainkan peranan memberi kedalaman sejarah *“historical depth”* yang diperlukan sarjana, penyelidik dan juga orang ramai. Untuk menjamin kerja kami itu berjalan dengan lancar dari masa ke masa, kami perlukan kerjasama daripada institusi, sarjana, penyelidik, lebih-lebih lagi orang kampung. Walaupun ide mendokumentasi, memelihara dan mepakej kepustakaan secara digital adalah asing bagi mereka, tetapi mereka harus diberi kesedaran tentang pentingnya kesemua usaha itu. Selagi tidak mengetahuinya, selama itulah mereka tidak tahu mencintai, malahan akan terus-menerus

memusnahkan bahan-bahan yang mereka warisi. Itulah sebabnya tidak terkira banyaknya manuskrip dan buku “buruk” yang lain, misalnya, telah dibakar dan dimusnahkan. Proses pemusnahan itu jugalah satu lagi faktor tambahan tidak banyak manuskrip dan buku tua masih terselamat di Dunia Melayu, berbanding dengan yang pernah dikutip dan dibawa orang Eropah ke negara mereka pada pinggir abad ke 19 dahulu. *“The rapid pace of destruction has resulted in us having so few of our own cultural heritage as compared to the collections in the west, accumulated through years of conscientious efforts”* (Master plain 2004). Dengan kata lain, kerjasama daripada semua orang di Dunia Melayu amat diperlukan kerana merekalah yang boleh memberi data baru dari masa ke masa untuk memperkembangkan pangkalan data itu, dalam erti kata membuatnya lebih kaya, berisi dan menarik dari masa ke masa. Kami yakin usaha bersama kita nanti akan mengubah pandangan kita sendiri dan juga sarjana dari negara lain bahawa pusat dokumentasi dan rujukan kepustakaan Dunia Melayu yang terkaya adalah di Dunia Melayu, tempat asal kepustakaan Dunia Melayu, tempat tadahan (catchment area) korpus ilmu Dunia Melayu sendiri. Anjakan paradigma inilah yang kita ingin menjadi realiti.

Motif dan abjektif kami adalah untuk memperluaskan dan perdalamkan penyelidikan pengajian Dunia Melayu. Dengan berbuat demikian, besarlah harapan jika ianya dapat mengekalkan tradisi budaya Dunia Melayu untuk satu jangka masa yang lebih panjang, selain menyebarkan pengetahuan itu ke seluruh dunia dengan IT. Kepustakaan Dunia Melayu yang kami kumpul dan dokumentasikan itu boleh digunakan secara langsung, dan bukannya disimpan *“as ‘heritage’ more for ‘preservation purposes’*” (Masterplain 2004) seperti yang diamalkan di perpustakaan yang mempunyai koleksi khas yang hanya boleh dirujuk dengan kita sendiri mengunjungi perpustakaan itu pada waktu yang ditetapkan. Oleh sebab objektif kami itu jelas dan motif kami itu baik, besarlah harapan kami boleh mendapat kerjasama dari sarjana dan penyelidik, lebih-lebih lagi orang ramai di Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, dan Pattani yang menjadi pusat Dunia Melayu dalam memperkembangkan portal pengajian Melayu itu. Kami percaya ada banyak lagi kepustakaan Melayu, sama ada yang berbentuk *“tangible”* atau *“intangible”*, belum dikumpul dan didokumentasi. *“Besides the printed and already documented materials, there are many other Malay indigenous information yet to be exploited. It follows that such information will be sourced from other ‘knowledge basin areas’, such as Minangkabau and Riau, in Indonesia”* (Maserplain 2004). Pendek kata, kami amat memerlukan kerjasama daripada sarjana, penyelidik dan orang kampung yang berminat, yang tahu, yang terlibat. Hanya dengan adanya kerjasama dan pertolongan itu secara besar-besaran dan untuk jangka masa yang panjang, projek kami dapat dikembangkan dengan lancar dan berkesan untuk kepentingan kita bersama, lebih-lebih lagi untuk mengubah tanggapan sarjana dan penyidik pengajian Dunia Melayu bahawa pusat dokumentasi dan rujukan kepustakaan Dunia Melayu adalah di Dunia Melayu sendiri, dan bukannya Leiden, London, Paris atau Lisbon yang beribu-ribu kilometer jauhnya di luar Dunia Melayu. Dengan itu, akan tenggelamlah keluhan sarjana dan penyelidik selama ini bahawa negara Eropah mempunyai lebih banyak kepustakaan tentang Dunia Melayu daripada yang ada di Dunia Melayu.

Kami yakin Dunia Melayu yang terletak di antara dua buah negara yang bertamadun tua – China dan India dan dengan Selat Melaka yang menjadi laluan perkapalan yang penting dari seluruh dunia itu akan terus menerus menjadi sumber utama menjana ilmu dan pengetahuan baru tentang Dunia Melayu, maka akan kekal menjadi tempat tadahan utama korpus ilmu dan maklumat dan pepustakaan pribumi Dunia Melayu. Ini juga boleh dilakukan dengan kepustakaan yang sudah dikumpul dan didokumentasi itu boleh terus digunakan untuk membuat penyelidikan yang baru. Tanpa data baru, susah dibuat penyelidikan yang baru. Tanpa penyelidikan yang baru, tidak mungkin ada maklumat dan ilmu yang baru.

Minangkabau adalah satu lagi wilayah yang sangat menarik di Dunia Melayu. Walaupun ia sebuah masyarakat pertanian, tetapi sejarahnya, tradisinya, budayanya, bahasanya, mitosnya, legendanya dan adat pepatihnya kaya, berpancaroba dan berwarna-warni, berbeza dengan masyarakat suku Melayu yang lain di Dunia Melayu. Minangkabau bukan juga sekadar seni bina yang berstrukturkan bumbung merupai tanduk kerbau yang ditunjukkan daripada rumah kampung yang kecil di desa kepada bangunan pejabat kerajaan bertingkat-tingkat di bandar. Tarikan sarjana dan penyelidik kepadanya juga kerana berlapis-lapis kepercayaan, nilai, ide, lambang, adat papatih dan lain-lain yang sulam-menyulam sehingga membentuk kosmos Minangkabau yang teristimewa yang juga telah memberi ilham kepada seniman, sastrawan, tukang ukir dan lain-lain dalam mencipta karya mereka yang istimewa, yang berbau Minangkabau, dari dahulu sampailah hari ini. Aset yang paling penting dalam masyarakat itu ialah orang Minang yang mewarisi tradisi, budaya, sastra, sejarah, bahasa dan seninya yang tersendiri. Di sebalik pemandangan semula jadi yang hijau dan indah yang menarik pelancong dari tempat lain ialah peraturan hidup orang Minang berakarkan dan bertradisikan nasab ibu, adat papatih, anak laki-laki merantau, perbilangan, suku, buapak, mitos, legenda, sejarah dan di Negeri Sembilan di Malaysia ialah kisah-kisah penghijrahan putera dari Pagarjung, pusat adat papatih di Sumatera.

Malay world's richest natural resources and greatest hope lies in its culture. The future belongs to countries whose people make the productive use of information, knowledge and technology. Information is the currency of the future. Knowledge is power. The two are ever expanding. In this future world, databases, libraries, treasuries of information and knowledge, will play an increasing relevant role. In the past, we have under-estimated and under-invested in libraries. Now, IT has made it possible for the acquisition of knowledge to be immediate, interactive and accessible. There is no excuse for us to hold back any longer. To maintain and further stimulate the cutting edge, the time to seriously re-look at our databases and libraries is now.

RUJUKAN

- Daneels, Jenny: Malaysians are robbed of their past: an interview with Dr Farish A Noor." <http://www.kakiseni.com/articles/people/MDA5Mg.html>
- Ding Choo Ming, 2002. Information imperialism: the unilateral information flow from developed countries to developing countries. Media Asi 29 (3): 11-21.
- Farish A Noor. From Majaphait to Putrajaya: The Kris as a symptom of civilization development and decline

[Http://www.kakiseni.com/articles/columns/MDExOQ.html](http://www.kakiseni.com/articles/columns/MDExOQ.html)

- Norhalim Haji Ibrahim. 1977. Social Change in Rembau. JMBRAS 50 (2): 139-149
- , 1983. Negeri Sembilan: Adat pematih atau Adat Temenggong. Ilmu Masyarakat 1: 11-20
- , 1972. A Brief Introduction to Adat Pematih. DLM Tang Wong, Nellie S. L. dan V. Patel (ed) Adat Pematih: A Matrilineal System in Negeri Sembilan: 1-4
- 1988/89. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. Warisan 13: 50-62.
- , 2003. Adat Pematih sebagai Peraturan Hidup. Warisan 266: 9-33
- 2003a. Teroombo Luak Johol. Warisan 26: 86-102.